

Dua sekolah Malaysia calon Sekolah Terbaik Dunia

Oleh **DIANA SURYA ABD WAHAB**
dan **ABDUL RAZAK IDRIS**

utusannews@mediamulia.com.my

KUANTAN: Sekolah Kebangsaan Kempadang, di sini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Jawa, Klang dicalon untuk menerima Anugerah Sekolah Terbaik Dunia, masing-masing bagi kategori Inovasi dan Menangani Cabaran.

Kedua-duanya berada dalam 10 buah sekolah yang disenarai pendek untuk setiap kategori yang ditawarkan untuk Hadiah Sekolah Terbaik Dunia daripada T4 Education.

Turut tersenarai sekolah-sekolah dari Australia, Brazil, Afrika Selatan, Kenya, Jamaica, Uganda, Nigeria, India, United Kingdom (UK), Greece, Jepun, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Chile dan Zimbabwe.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengucapkan tahniah kepada kedua-dua sekolah terlibat dan yakin pencalonan tersebut mampu mengangkat nama baik Malaysia di persada dunia.

“Pemenang bagi setiap kate-



SEKOLAH Kebangsaan Kempadang, Kuantan dicalon untuk menerima Anugerah Sekolah Terbaik Dunia kategori Inovasi. - MEDIA SOSIAL

gori akan diumumkan dalam Minggu Pendidikan Dunia yang diadakan pada 16 hingga 21 Oktober ini, justeru saya mendoakan agar kedua-dua sekolah ini berjaya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif T4

Education, Vikas Pota berkata, terdapat lima kategori dalam anugerah Hadiah Sekolah Terbaik Dunia yang merangkumi Penglibatan Kemasyarakatan, Inovasi, Tindakan Alam Sekitar, Sokongan Hidup Sihat dan Menangani Cabaran.

“Tiga finalis bagi setiap ka-

tegori akan diumumkan selepas undian daripada badan awam, pemenang pula akan dipilih berdasarkan kriteria yang ketat dan dinilai oleh pemimpin dari seluruh dunia termasuk pendidik, aktivis masyarakat dan sektor swasta.

“Pemenang akan membawa pulang hadiah AS\$50,000 (RM219,675) dengan jumlah hadiah keseluruhan bagi setiap kategori adalah RM1.01 juta,” katanya dalam satu kenyataan.

Selain memenangi hadiah wang tunai, sekolah disenarai pendek pada peringkat 10 yang terbaik juga akan diberi peluang berkongsi kaedah dan amalan bagi kategori berkaitan dalam Minggu Pendidikan Dunia itu.

Malah amalan pengurusan sekolah itu akan dikongsikan menerusi kit khas dikeluarkan T4 Education sebagai panduan sekolah seluruh dunia.

Kata Vikas, inisiatif itu sebagai pengiktirafan dan pemangkin kepada sekolah yang melibatkan lebih 1.5 bilion pelajar di seluruh dunia mencapai matlamat Pendidikan Universal Berkualiti menjelang 2030.